

U B835 BAH
MAHATHIR - PENEROKA

GUA MUSANG, 28 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU KESAL KERANA ADA ORANG YANG MENGGUNAKAN ISTANA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK WALAUPUN RAJA-RAJA TELAH MEMAINKAN PERANAN MEREKA DENGAN TIDAK MENCAMPURI POLITIK, SEBAGAIMANA KEHENDAK PERLEMBAGAAN.

KATANYA GOLONGAN ITU MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA LAWATAN RAJA KE SESUATU KAWASAN UNTUK TUJUAN POLITIK MEREKA DAN +INI ADALAH TIDAK BAIK.+

DALAM KEADAAN SEPERTI ITU SESETENGAH RAKYAT YANG TIDAK TAHU, MENYANGKA BAHAWA SULTAN ATAU ISTANA TERLIBAT DALAM POLITIK, KATA BELIAU PADA PERJUMPAAN DENGAN PENEROKA DAN ORANG ASLI DI FELDA CIKU TIGA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MELAHIRKAN RASA GEMBIRA DAN BANGGANYA DENGAN SIKAP SULTAN KELANTAN YANG MENYATAKAN DALAM UCAPAN HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN BAGINDA BARU-BARU INI, BAHAWA BAGINDA TIDAK MENCAMPURI HAL POLITIK.

+ITULAH PERANAN RAJA, TIDAK CAMPUR TANGAN DALAM POLITIK DAN DALAM NEGARA KITA, KITA HENDAK PISAHKAN PERANAN RAJA DARIPADA POLITIK,+ KATANYA.

-- LAGI.

2209MST 28 09 90

U B836 BAH
MAHATHIR - PENEROKA 2 GUA MUSANG

BELIAU BERKATA JIKA RAJA MELIBATKAN DIRI DALAM PILITIK, IA AKAN MENCEMARKAN INSTITUSI BERKENAAN KERANA AKAN TERDEDIAH KEPADA CACIAN. MENGIKUT ADAT, ORANG MELAYU SEKALI-KALI TIDAK AKAN MENCACI RAJANYA, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA KESAL KERANA TERDAPAT GOLONGAN YANG PERGI KE KAWASAN-KAWASAN RANCANGAN TANAH DAN MENGHASUT PENEROKA SUPAYA MEMBENCI KERAJAAN.

ORANG-ORANG INI SEBENARNYA DISURUH OLEH PEMIMPIN MEREKA YANG JUGA TIDAK PERNAH BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN WALAUPUN MEREKA TELAH MENDAPAT FAEDAH DARIPADA KERAJAAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN DI KAWASAN TANAH RANCANGAN KEPADA RAKYAT TERMASUK BEKALAN AIR, ELEKTRIK, SEKOLAH DAN KLINIK.

BELIAU BERKATA PENEROKA MERUPAKAN GOLONGAN TERISTIMEWA DAN TIDAK ADA NEGARA DI DUNIA YANG BERBUAT DEMIKIAN UNTUK RAKYATNYA. -- LAGI.
2219MST 28 09 90

D948

U B837 BAH
MAHATHIR - PENEROKA 3 GUA MUSANG

KATANYA, BARU-BARU INI PEMIMPIN-PEMIMPIN DARI NEGARA ZIMBABWE DAN NIGERIA MENYATAKAN KEKAGUMAN DENGAN KEJAYAAN FELDA DAN AKAN MENGAMBIL TELADAN KEJAYAAN FELDA UNTUK DIPERKENALKAN DI NEGARA MASING-MASING.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETAKAT INI KIRA-KIRA 574,000 HEKTAR DIMAJUKAN OLEH FELDA BAGI FAEDAH RAKYAT.

KATANYA, KERAJAAN AKAN TERUS MEMAJUKAN RANCANGAN FELDA UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN DAN PENDAPATAN YANG LUMAYAN KEPADA PENEROKA.

MENGENAI PARTI SEMANGAT 46, BELIAU MEMINTA RAKYAT KAWASAN GUA MUSANG SUPAYA TIDAK MEMILIH CALON PARTI ITU DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR TAN SRI MOHAMED YAACOB, PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK YANG JUGA MENTERI PENGANGKUTAN, PRESIDEN MIC DATUK SERI S. SAMY VELLU (MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS) DAN PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAIK (MENTERI PERUSAHAAN UTAMA.) -- BERNAMA.

2221MST 28 09 90

D948

U B837 BAH
MAHATHIR - PENEROKA 3 GUA MUSANG

KATANYA, BARU-BARU INI PEMIMPIN-PEMIMPIN DARI NEGARA ZIMBABWE DAN NIGERIA MENYATAKAN KEKAGUMAN DENGAN KEJAYAAN FELDA DAN AKAN MENGAMBIL TELADAN KEJAYAAN FELDA UNTUK DIPERKENALKAN DI NEGARA MASING-MASING.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETAKAT INI KIRA-KIRA 574,000 HEKTAR DIMAJUKAN OLEH FELDA BAGI FAEDAH RAKYAT.

KATANYA, KERAJAAN AKAN TERUS MEMAJUKAN RANCANGAN FELDA UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN DAN PENDAPATAN YANG LUMAYAN KEPADA PENEROKA.

MENGENAI PARTI SEMANGAT 46, BELIAU MEMINTA RAKYAT KAWASAN GUA MUSANG SUPAYA TIDAK MEMILIH CALON PARTI ITU DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR TAN SRI MOHAMED YAACOB, PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK YANG JUGA MENTERI PENGANGKUTAN, PRESIDEN MIC DATUK SERI S. BAMY VELLU (MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS) DAN PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAIK (MENTERI PERUSAHAAN UTAMA.) -- BERNAMA.

2221MST 28 09 90